

15 pelajar ikuti Projek LiveWIRE AgroBiz Pengambilan Ke-2



SEBAHAGIAN pelajar yang akan menyertai Projek LiveWIRE AgroBiz Pengambilan Ke-2 di IBTE Kampus Agro-Teknologi Wasan.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

WASAN, Selasa, 7 Julai. - Seramai 15 pelajar HNTEC Agrotechnology (Industri Beras) Kampus Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Agro-Teknologi, Wasan, merebut peluang mengikuti Projek LiveWIRE AgroBiz Pengambilan Ke-2 bagi menyahut seruan untuk meningkatkan kadar pengeluaran beras negara.

Projek tersebut merupakan kolaborasi IBTE dan Syarikat Minyak Brunei Shell melalui LiveWIRE Brunei untuk menjayakan ladang seluas 10 hektar dengan pembangunan infrastruktur dan peralatan yang lengkap menggunakan variasi padi berhasi tinggi dan jentera moden untuk meningkatkan hasil serta

pengeluaran dengan lebih cekap. Schubungan itu, majlis penandatanganan perjanjian berlangsung di Dewan Serbaguna, IBTE Kampus Agro-Teknologi. Majlis penandatanganan disaksikan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli dan Pengurus Nilai Dalam Negara Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) dan Pengerusi LiveWIRE Brunei, Dayang Hajah Rosita binti Haji Hassan.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengetua IBTE Satelit, Awang Norjemee Jenek. Menurutnya, Projek LiveWIRE AgroBiz bertujuan untuk melahirkan usahawan yang berjaya dalam penghasilan padi,

merangkumi keseluruhan ekosistem penghasilan iaitu penanaman anak benih, pengurusan ladang, pengendalian jentera, penuaian padi dan seterusnya penghasilan beras, pembungkusan dan pemasaran.

Selain daripada menyediakan suasana pembelajaran yang selesa, katanya, LiveWIRE Brunei juga akan memberikan latihan dan bimbingan yang terbaik dari aspek teknikal dan juga komersial dengan tenaga pengajar yang terdiri dari *subject matter experts* dari dalam dan luar negeri.

Beliau juga menyeru kepada semua untuk segera sedar dan membuka mata tentang pentingnya pertanian terutama penghasilan padi atau agromakanan segar dalam negeri.

"Pentingnya pertanian terutama penghasilan padi atau agromakanan segar dalam negeri bagi membantu semasa terjadinya wabak seperti yang kita alami ketika ini. Pengeluaran makanan asasi di peringkat domestik seperti beras perlu ada bagi persediaan bagi maksud *food security* dan *food self-sufficiency*," tambahnya.

Berkenaan kejayaan pengambilan pertama Projek AgroBiz, Dayang Hajah Rosita binti Haji Hassan dalam ucapannya mengongkakan pencapaian hasil tuaian padi yang pertama pada Februari yang lalu dengan purata tujuh ton metrik per hektar, yang mana penghasilan tertinggi direkodkan ialah 8.3 tan



SEORANG pelajar HNTEC Agrotechnology (Industri Beras) menandatangani perjanjian bagi mengikuti Projek LiveWIRE AgroBiz.

metrik per hektar pada hari pertama penuaian.

Sementara itu, pengeluaran beras secara komersial daripada penuaian pertama tersebut akan dijual di kedai IBTE Gadong dan Seria YES Centre mulai minggu ini dalam kemasan bersaiz 0.5kg, 2kg dan 5kg beras tempatan Sembada 188, bebas vakum dan bebas racun perosak. Maklumat lanjut mengenainya bolehlah menghubungi Ketua Pemasaran Teknikal untuk AgroBIZ LiveWIRE, Tarmizie Samle menerusi talian +673 8338668.

Projek AgroBiz kerjasama

LiveWIRE Brunei dan IBTE, Kementerian Pendidikan ini bertujuan untuk menghasilkan usahawan tani (*agropreneurs*) yang berkemahiran dan terlatih dengan kemahiran pertanian dan juga perusahaan untuk menjadi petani komersial yang berjaya.

Peserta program tersebut juga akan dilengkapi dengan kemahiran keusahawanan yang termasuk skim 'LiveWIRE Bright Ideas', diikuti dengan kem latihan pembangunan jati diri selama tiga hari di Daerah Temburong dan siri rancangan perusahaan.

Suami isteri antara dalang edar dadah dicekup

Dari muka 6

Jumlah rampasan dadah signifikan ini juga dipercayai boleh disalahgunakan oleh ramai pengguna yang sudah setentunya mendatangkan impak negatif kepada masyarakat.

Antara barang lain yang juga dirampas ialah timbangan digital, gunting besi, straw serta paket-paket plastik kosong dan telefon bimbit, di mana kesemuanya dipercayai digunakan untuk aktiviti pengedaran dadah.

Turut dirampas, sejumlah wang tunai dianggarkan melebihi BND8,000, barang kemas dan kenderaan milik suspek, yang dipercayai hasil daripada aktiviti pengedaran dadah.

Tangkapan tersebut masih di dalam siasatan di bawah kesalahan-kesalahan seperti berikut :

- Semua suspek di bawah Seksyen 3A Akta Penyalahgunaan Dadah (APD), Penggal 27, iaitu atas kesalahan memiliki dadah terkawal bagi tujuan mengedar, yang boleh membawa hukuman minima lima tahun penjara dan lima kali sebatan dan hukuman maksima 20 tahun penjara dan 15 kali sebatan dan memiliki bagi tujuan mengedar dadah terkawal Kelas 'A', lebih dari 100 gram, yang boleh membawa kepada hukuman gantung hingga mati;
- Semua suspek di bawah Seksyen 3 Perintah Mendapatkan Kembali Hasil Jenayah 2012 atas kesalahan pembersihan wang haram, yang boleh membawa denda tidak melebihi BND500,000 dan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya;
- Semua suspek di bawah Seksyen 6(b) APD, Penggal 27, iaitu atas kesalahan memakan dadah terkawal, yang boleh membawa hukuman penjara sehingga tempoh 10 tahun atau denda sebanyak BND20,000 atau kedua-duanya;
- Seorang di bawah Seksyen 9 APD, Penggal 27, iaitu atas kesalahan memberikan kebenaran bagi premis yang dimiliki digunakan dalam aktiviti penyalahgunaan dadah, yang boleh membawa hukuman minima dua tahun penjara atau denda sebanyak BND4,000 atau kedua-duanya dan hukuman maksima 10 tahun penjara atau denda BND40,000 atau kedua-duanya;
- Empat orang di bawah Seksyen 10 APD, Penggal 27, iaitu atas kesalahan bersubhat melakukan kesalahan di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27.

BKN ingin mengingatkan bahawa adalah menjadi satu kesalahan di bawah APD Penggal 27, jika terlibat dengan apa juga bentuk aktiviti berhubung dengan penyalahgunaan dan pengedaran dadah terkawal.

Aktiviti-aktiviti pengedaran dadah ini merupakan punca utama kerosakan masyarakat serta keharmonian keluarga. Pengedar-pengedar dadah ini adalah seumpama musuh negara yang mengambil kesempatan ke atas kelemahan individu dan meraih keuntungan daripada kehancuran.

Justeru, ia harus dihapuskan bagi menjamin masa depan yang cerah untuk generasi akan datang. Dengan tertumpasnya pengedar dadah seperti ini, ia merupakan satu langkah yang besar kepada visi negara agar bebas daripada dadah haram.

BKN juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada orang ramai yang bekerjasama menyalurkan maklumat dan menyeru kepada orang ramai agar terus bekerjasama dalam sama-sama membasmi aktiviti-aktiviti yang boleh merosakkan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam.

Sebarang maklumat yang mencurigakan berhubung dengan kegiatan penyalahgunaan dadah, bolehlah menghubungi talian +673 2448877 (waktu pejabat), Hotline +673 8777444 (selepas waktu pejabat) atau e-mel ke ncb@narcotics.gov.bn.

Tawaran belajar Al-Quran secara bertalaqqi, musyafahah dibukakan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Julai. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengalu-alukan penyertaan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan atau bukan kerajaan serta orang ramai yang berminat untuk menyertai Program Talaqqi Tilawah Al-Quran Bersanad (PTTA) Sesi Ogos 2020.

Antara objektif program ialah untuk memberi peluang kepada masyarakat awam untuk belajar Al-Quran secara bertalaqqi dan musyafahah selain meningkatkan kualiti dan mutu bacaan para peserta. Tarikh pendaftaran program bermula dari 1 hingga 20 Julai 2020, di mana program akan diadakan pada setiap Jumaat dan Ahad, bermula 7 Ogos 2020 ini.

Setiap modul akan berjalan selama empat hingga lima bulan dengan tempoh maksima pertemuan ialah 40 pertemuan x 15 minit : 10 jam. Program anjuran Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan kerjasama Fakulti Usuluddin, UNISSA ini akan diadakan pada sebelah petang bermula jam 2.30 hingga 5.30 petang bertempat di Kampus UNISSA dan yuran bagi setiap peserta ialah BND250 (bagi setiap modul).

Pendaftaran bolehlah dibuat melalui [link https://bit.ly/Talaqqi01](https://bit.ly/Talaqqi01) atau dengan mengimbas Kod QR yang disediakan. Bagi sebarang maklumat dan pertanyaan lanjut boleh menghubungi Dayang Siti Noorfaziera binti Raya menerusi talian +673 2462000 sambungan 202/204 atau e-mel kepada C4L@unissa.edu.bn.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Infografik : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

OBJEKTIF:

- ▶ Memberi peluang kepada masyarakat awam untuk belajar Al-Quran secara bertalaqqi dan musyafahah.
- ▶ Meningkatkan kualiti dan mutu bacaan para peserta.

PROGRAM AKAN BERMULA PADA:
07 OGOS 2020 JUMAAT

TARIKH PENDAFTARAN:
01-20 JULAI 2020

PROGRAM BERTEMPAT DI:
KAMPUS UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

SCAN QR CODE UNTUK MENDAFTAR ATAU MENDAFTAR MELALUI LINK:
<https://bit.ly/Talaqqi01>

• \$250 PER MODUL

KETERANGAN LANJUT:
Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
No.Tel: 2462000 ext 202/204
No.Hp: +673 8254347
Email: C4L@unissa.edu.bn